

## Bentang kenaikan nilai tuntutan pengguna



**BANGUNAN Parlimen. FOTO arkib NSTP**

Hairulazim Mahmud dan Yusmizal Dolah Aling  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

RANG Undang-Undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 bagi bacaan kali kedua dibahaskan di Dewan Rakyat hari ini.

Antara lain ia bertujuan menaikkan had nilai bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) daripada RM25,000 kepada RM50,000.

Ia dibentangkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Chong Chieng Jen dan akan dibahaskan 16 ahli parlimen kerajaan dan pembangkang.

Katanya, kali terakhir pindaan dibuat ialah pada 2003 untuk menaikkan had nilai bidang kuasa TTPM daripada RM10,000 kepada RM25,000.

“Pindaan ini juga membolehkan menteri menggunakan kuasa untuk tingkatkan lagi hak pengguna bagi pastikan fungsi tribunal kekal relevan bagi mendapani isu tuntutan.

“Selain itu, ia meningkatkan hukuman kepada mana-mana yang tidak mematuhi arahan pengguna menerusi nilai penalti maksimum,” katanya.

Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 (atau Akta 599) telah berkuatkuasa pada 15 November 1999 untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna.

**Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 8 Julai 2019 @ 4:03 PM**